



UB 12/01/2011/612
RAKAM KENANGAN... Ahli rombongan bergambar bersama kakitangan Hospital Rakan Bayi Kudat.

Kerjasama tiga hala UMS-Zero TB-Jabatan Kesihatan Langkah penting perangi TB

TANDATANGAN... Sung Jin mewakili Zero TB manakala UMS diwakili oleh Rosnah dalam upacara menandatangani dokumen kerjasama antarakedua-dua organisasi itu.



Zero Tuberculosis World, Korea Selatan, Dr Kim Sung Jin, berkata pihaknya bersedia berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan universiti ini dalam mengurangkan kes TB, terutamanya di Sabah. Ujar beliau, melalui

“Disifatkan sebagai penyakit lazim kedua di negara ini oleh Kementerian Kesihatan, negeri Sabah adalah negeri yang mempunyai notifikasi tertinggi TB antara negeri-negeri di Malaysia dengan 110 kes bagi setiap 100,000 penduduk.”



DOKUMEN... Rosnah dan Sung Jin menunjukkan dokumen persefahaman antara UMS dan Zero TB sambil diperhatikan oleh ahli rombongan yang lain.

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR
 nikjasni.ub@gmail.com

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) melangkah setapak lagi dalam memanfaatkan kepakaran yang ada di universiti itu apabila menjalin kerjasama dengan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari Korea Selatan untuk menangani ancaman Tuberculosis (TB).

Kerjasama dengan Zero TB World, Korea Selatan itu turut mendapat sokongan daripada Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Kesihatan Negeri.

Disifatkan sebagai penyakit lazim kedua di negara ini oleh Kementerian Kesihatan, negeri ini adalah negeri yang mempunyai notifikasi tertinggi TB antara negeri-negeri di Malaysia dengan 110 kes bagi setiap 100,000 penduduk.

TB atau lebih dikenali sebagai batuk kering adalah masalah kesihatan utama penduduk dunia dengan kira-kira dua bilion penduduk dunia menghidap TB dan Asia pula menyumbang 34 peratus kepada jumlah itu.

Sementara itu, kerjasama itu merangkumi pengujudan

Pusat Penyelidikan TB di UMS (UMS-TRC) dan Pusat TB Komuniti (CTC) yang akan menyediakan rawatan di kawasan luar bandar dan pedalaman.


MANFAAT KERJASAMA

Kerjasama ini dilihat sangat penting dalam memerangi ancaman TB di negara ini, khususnya di Sabah sendiri sebagai negeri yang mempunyai notifikasi kes tertinggi.

Justeru, seperti kata Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datik Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, kerjasama ini bakal memberi peluang kepada kakitangan dan pelajar UMS untuk bekerjasama dengan pakar dari Korea.

Dalam ucapannya yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Rosnah Ismail itu, beliau berkata, Korea merupakan NGO bertaraf antarabangsa yang terlibat dalam penyelidikan untuk memerangi TB.

“Jalinan kerjasama ini dilihat memberi manfaat besar terutamanya kepada masyarakat luar bandar yang boleh mendapatkan rawatan untuk TB di CTC kelak,”



PERIKSA... Sung Jin memeriksa kemudahan peralatan untuk penyelidikan TB.

katanya dalam majlis menandatangani dokumen persefahaman antara UMS-Zero TB World-Jabatan Kesihatan Negeri di universiti itu pada Isnin.

Penubuhan UMS-TRC pula, katanya, bakal menjadi pusat penyelidikan berkaitan TB yang pertama di negara ini yang akan memberi kelebihan kepada para penyelidik lama dan baru di universiti itu.

Tambah beliau, usaha ini bakal membuka peluang perkongsian kepakaran dan idea antara kedua-dua negara dalam bidang penjagaan kesihatan terutamanya dalam mengawal penyebaran TB.

Selain itu, katanya, usaha ini adalah sebahagian daripada inisiatif untuk mengurangkan separuh dari kes TB ketika ini

menjelang 2015 seperti yang dinyatakan sasaran 8 dalam Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tambahnya, mereka yakin dapat melaksanakan misi berkenaan memandangkan kampus Sekolah Perubatan di universiti ini turut dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan yang sesuai termasuk kabinet biokeselamatan Kelas 2 manakala makmal biokeselamatan Tahap 3 di Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB).

ZERO TB WOLRD KOMITED JALIN KERJASAMA

Mengakui komited untuk menjalin kerjasama dengan UMS, Naib Presiden

penubuhan CTC misalnya, membolehkan mereka memberi rawatan kepada penduduk luar bandar dan pedalaman dengan mudah selain dapat mengumpul data mengenai penyakit itu.

Katanya, CTC adalah di bawah UMS-TRC dan akan dikendalikan oleh UMS dengan menggunakan kemudahan dan peralatan di universiti itu.

Bagaimanapun, tambah beliau, pihaknya sedia membantu sekiranya pusat itu memerlukan keperluan dan peralatan lain daripada pihaknya.

“Kita memperkenalkan dua model CTC iaitu Model 1 melibatkan bandaraya kecil dengan penduduk antara 100,000 hingga 2000 ribu dan Model 2 untuk bandar kecil dengan jumlah penduduk antara 50,000 hingga 100,000,” katanya.

Bagi Dekan Sekolah Perubatan Prof Dr Ismail Ali, CTC adalah sebahagian daripada projek penyelidikan dan berfungsi sebagai pencegahan, kawalan dan pusat pendidikan.

“Usaha ini amat penting bagi membolehkan jumlah kes TB di negeri ini dikurangkan dan kita berharap melalui

CTC yang dilengkapi kemudahan penyelidikan akan menjadi medium untuk mencapai hasrat itu,” katanya.

Tambah beliau, Zero TB World berminat untuk menjalin kerjasama itu ekoran Sabah merupakan negeri yang mempunyai kes TB tertinggi di Malaysia.

“Mereka ingin memperkenalkan model yang telah digunakan di Korea. Model yang sama telah membolehkan mereka mencatat jumlah kes pada peringkat terendah,” katanya.

Tambah beliau, NGO itu juga telah membantu beberapa negara lain untuk memerangi TB seperti yang dilakukan di negara ini.

Ketika ini, kemudahan seperti Poliklinik UMS dan makmal TB, Wad Perubatan Respiratori Hospital Ratu Elizabeth (QEH) dan 32 pusat rawatan TB di negeri ini adalah antara infrastruktur utama yang membolehkan penghidap TB mendapatkan rawatan.

PENERANGAN... Sung Jin menerangkan sesuatu kepada pegawai hospital ketika lawatan ke Kudat.



(Kiri) LAWATAN... Pengarah Institut Penyelidikan Bioteknologi, Prof Datin Seri Panglima, Dr. Ann Anton (tiga kiri) mengiringi rombongan daripada Korea melawat salah satu kemudahan makmal yang terdapat di UMS. Turut kelihatan Rosnah (paling kanan).